



SIARAN MEDIA

ISTANA BUDAYA DAN TV ALHIJRAH BERGABUNG MENJAYAKAN PROGRAM NUANSA URBAN ROHANI 2026 HIJRAH MALAM CINTA RASUL

KUALA LUMPUR, 19 OGOS 2026 – Istana Budaya dan TV AlHijrah buat julung kalinya bergabung bagi menjayakan program Nuansa Urban Rohani 2026 (NUR26), Hijrah Malam Cinta Rasul yang bakal diadakan di Lambang Sari dan Laman Beringin, Istana Budaya pada 25 Ogos 2026.

Bersempena dengan sambutan Maulidur Rasul tahun 1448 Hijrah, kerjasama antara jabatan/agensi di bawah Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) dan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) ini berpadu tenaga untuk menghidupkan lagi suasana program islamik buat masyarakat dengan mendukung aspirasi Malaysia MADANI yang diterjemahkan melalui pendekatan seni berbentuk kerohanian, ihsan dan interaksi komuniti yang kreatif serta lebih dekat dengan generasi muda.

YBrs. Encik Johan Cruyff @ Mohd Johari bin Md Nordin, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Istana Budaya menyatakan “Kita berharap NUR26 dapat menjadi satu platform yang bukan sahaja menghiburkan, tetapi pada masa yang sama membawa pengisian dan mesej kerohanian yang dekat dengan hati masyarakat, khususnya golongan muda serta menyemarakkan kecintaan kepada Rasulullah SAW.”

Program ini juga menggabungkan elemen selawat, seni persembahan, muzik kontemporari Islam, multimedia dan pengalaman spiritual dalam suasana yang indah, lebih segar, moden dan santai. NUR26 mengetengahkan pendekatan dakwah yang selari dengan perkembangan semasa, khususnya dalam dunia teknologi, muzik, visual dan kandungan kreatif.

Pelbagai pengisian menarik disusun sepanjang program yang berlangsung di Lambang Sari dan Laman Beringin, Istana Budaya. Antaranya **Pencarian Urban Muazzin, Podcast Tausiah & Ibrah** bersama Ustaz Jalal Zaiki dan Ustaz Izmir Fareez,

Refleksi Quran “Dari Mata Turun ke Hati” bersama Ustaz Husaini Mahmud dan Ustaz Ahmad Tirmizi Haji Ali serta **Satu Hati, Satu Saf**.

Kemuncak NUR26 di Laman Beringin pula menampilkan **Kanvas Seni Islam, Mualamat Corner, Resonansi Quran** dan **Letter to Rasulullah**. Kanvas Seni Islam merupakan persembahan malam kemuncak NUR26 yang menggabungkan elemen berzanji, marhaban, qasidah, tarannum, nasyid dan sketsa dalam sebuah persembahan santai berteraskan nilai Islam.

Turut menjadi pengisian istimewa ialah Letter to Rasulullah, yang memberi peluang kepada pengunjung menulis nota dengan tema “***Kalau saya dapat berjumpa dengan Rasulullah...***”. Nota tersebut akan dipamerkan menerusi Wall of Love Rasulullah sebagai simbolik luahan kecintaan kepada Rasulullah SAW.

NUR26 turut menampilkan barisan selebriti dan ikon Islam jemputan antaranya Ahmad Fetri Yahya, Ustaz Hariri Daud, Ustaz Mohamad Yusuf Kassim, Heliza dan Hazwani Helmi, Wan Sharmila, kumpulan Inteam, Hijjaz, NowSeeHeart, Faheem, Zayne, Al Maqari dan Ustaz Azraie Abdul Hak sekeluarga.

Istana Budaya turut menjalinkan kerjasama strategik dengan TV AlHijrah dan IKIMfm dalam usaha untuk mempromosikan NUR26 dengan lebih meluas. Program NUR26 ini akan disiarkan secara langsung menerusi TV AlHijrah dan IKIMfm, supaya masyarakat yang tidak dapat hadir secara fizikal juga berpeluang untuk mengikuti program ini.

Pengunjung juga berpeluang untuk mengunjungi reruai komponen rakan strategik NUR26 yang boleh didapati di ruang lobi Bangunan Panggung dan antaranya adalah Tabung Haji, Kementerian Dalam Negeri, Islamic Tourism Centre, Tourism Malaysia, dan Cinta Gaza Malaysia.

###

Unit Perhubungan Awam
ISTANA BUDAYA

Tel: 03-4026 5555 Fax: 03-4025 5975

Website: www.istanabudaya.gov.my E-mel: info@istanabudaya.gov.my

Facebook, Instagram: [@istanabudaya](#) & TikTok: [@istanabudayaofficial](#)